Hari: **Isnin-Sabtu** Tarikh: **21-26 Mac 2022**
Bahasa Melayu HBL 6.1: **Karangan-Negara Saya**

**LATIHAN KARANGAN 4**
Arahan:
Teliti pilihan jawapan dalam kotak di bawah ini. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai pada ayat karangan di bawah ini. **Tekan jawapan yang paling tepat sahaja**. Pelajar dapat **merujuk contoh karangan dalam bentuk PDF** yang dikongsikan sebelum ini.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Februari** | **damai** | **disambut** | **Julai** | **kebesaran** |
| **dihormati** | **bersyukur** | **maju** | **prihatin** | **berdoa** |
| **ibu** | **terkenal** | **ketua** | **negara** | **kerajaan** |
| **rasmi** | **keluasan** | **empat** | **Islam** | **utara** |
| **puak** | **adil** | **sultan** | **raja** | **minyak** |
| **pelancong** | **pemedulian** | **penduduk** | **bangunan** | **menarik** |

TAJUK KARANGAN: **NEGARA SAYA**

Negara ialah sebuah 1)**k**__________**n** yang didiami oleh sekumpulan masyarakat. Banyak negara yang 2)**t**__________**l** di dunia ini seperti Arab Saudi, Singapura, Jepun, Amerika, England dan Korea. Setiap negara diperintah oleh seorang 3)**k**__________**a** yang dipanggil raja atau presiden atau perdana menteri.

Saya tinggal di sebuah 4)**n**__________**a** yang bernama Negara Brunei Darussalam dengan 5) **i**__________**u** negaranya ialah Bandar Seri Begawan. Negara saya letaknya di 6) **u**__________**a** Pulau Borneo. Negara saya kecil sahaja dengan 7) **k**__________**n** 5764 kilometer persegi. Negara saya mempunyai 8)**e**__________**t** daerah iaitu Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Ugama rasmi ialah 9)**I**__________**m** dan Bahasa Melayu ialah bahasa 10)**r**__________**i** negara saya. Hasil utama negara saya ialah 11)**m**__________**k** dan gas.

Negara saya diperintah oleh seorang 12)**r**__________**a** yang bernama Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Baginda adalah 13)**s**__________**n** Brunei yang ke-29. Baginda merupakan seorang raja yang 14) **a**__________**l** dan sangat suka menjaga kesejahteraan rakyatnya. Negara saya terdiri daripada tujuh 15)**p**__________**k** iaitu Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Bisaya, Dusun dan Murut. Jumlah 16) **p**__________**k** negara saya ialah lebih kurang 411,000 orang. Penduduk negara saya terkenal dengan sikap yang baik, 17)**p**__________**n** dan bersopan santun.



LIVEWORKSHEETS

Negara saya mempunyai banyak tempat-tempat yang 18)**m__________k** seperti Pantai Seri Kenangan, Taman Negara Ulu Belalong Temburong dan Kampong Ayer. Selain itu terdapat juga Taman Permainan Jerudong Park, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Hotel Empire. Masjid Omar Ali Saifuddien, Masjid Jame'Asr dan Istana Nurul Iman juga 19)**b__________n** yang sangat menarik perhatian. Tempat-tempat menarik tersebut merupakan tarikan kepada 20)**p__________g** datang ke Brunei.

Setiap tahun negara saya akan menyambut beberapa hari 21)**k__________n.** Pada bulan 22)**F__________i,** negara saya akan menyambut Hari Kebangsaan dan pada bulan 23) **J__________i** pula ialah sambutan Hari Keputeraan Sultan. Hari kebesaran Islam seperti Israk Mikraj, Awal Tahun Hijrah dan Maulud Nabi juga 24)**d__________t.**

Begitulah tentang negara saya. Negara saya aman dan 25)**d__________i** diperintah oleh raja yang adil dan 26)**p__________n.** Saya sangat 27)**b__________r** dapat tinggal di negara saya ini. Saya 28)**b__________a** semoga keamanan itu berterusan. Saya berharap negara saya berkembang lebih 29) **m__________u** dan menjadi negara Islam yang 30)**d__________i.**



LIVEWORKSHEETS